



Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) adalah sebuah institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 [Akta 653] dengan tujuan untuk menyediakan ruang pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan akademik dan khidmat nasihat profesional dalam bidang seni, budaya dan warisan.

## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

ASWARA memerlukan kumpulan pengurusan yang terdiri daripada individu yang dinamik, kreatif, inovatif, bermotivasi tinggi untuk bekerja dengan semangat berpasukan dan meminati serta menghargai bidang seni budaya dan warisan bagi merealisasikan misi dan visi penubuhan ASWARA.

JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN
<b>TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL AKADEMIK</b>	JUSA C	TERBUKA	<b>PEMINJAMAN / KONTRAK</b>

### **DESKRIPSI TUGAS TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL AKADEMIK**

- Bertanggungjawab ke atas perancangan dan pemantauan ke atas pelaksanaan urusan hal ehwal akademik dalam semua bidang dan tahap pengajian yang ditawarkan oleh ASWARA. Pelaksanaan dan pemantauan urusan akademik melibatkan pengawalseliaan urusan seperti pembangunan kurikulum, sukanan pelajaran, kualiti pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan peperiksaan, bahan dan kandungan kursus pengajian dan aspek-aspek lain melibatkan kecemerlangan akademik.

### **KELAYAKAN**

- Warganegara Malaysia;
- Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- Berumur tidak kurang dari 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Mempunyai kelayakan di peringkat Ijazah Kedoktoran dalam bidang seni dan budaya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau menjawat jawatan sekurang-kurangnya di Gred DS54 (Prof Madya) di mana-mana universiti awam atau menjawat jawatan sekurang-kurangnya di Gred 52 di ASWARA;
- Memiliki pengalaman sebagai Ketua Jabatan / Pengarah /Dekan tidak kurang 5 tahun di mana-mana institusi pengajian tinggi; dan
- Mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran akademik dan memahami sukanan kurikulum di peringkat universiti.

---

### **SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

### **CARA MEMOHON**

- Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Perjawatan ASWARA** yang boleh diperolehi dengan memuat turun borang tersebut di **Iaman Web ASWARA** iaitu di [www.aswara.edu.my](http://www.aswara.edu.my)
- Permohonan yang telah dilengkapkan perlu dikembalikan bersama-sama sekeping gambar terbaru berukuran passport salinan kad pengenalan, kelulusan akademik, resume dan dokumen-dokumen sokongan dan sijil-sijil yang berkaitan yang telah disahkan.
- Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan disertakan bersama salinan-salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan Laporan Nilaian Prestasi untuk tempoh tiga (3) tahun berturut-turut yang telah disahkan.
- Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam **sampul surat berukuran 40.5sm x 30.5sm** dengan menulis **nama jawatan dipohon** disudut atas sebelah kiri sampul surat.
- Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat di bawah sebelum atau pada **15 Mei 2019**.

**Rektor**  
**Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan**  
464, Jalan Tun Ismail,  
50480 KUALA LUMPUR.  
(u.p: **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**)  
Tel : 03-2778 5999 / 03-2778 5939 / 5940

### **CATATAN AM**

- Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga jawatan ini ditanggung sepenuhnya oleh pemohon
- Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan/makluman selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan anda **TIDAK BERJAYA**